

# **PENDIDIKAN SWASTA : KE ARAH PEMBANGUNAN PENDIDIKAN**

**Mohan Sanyasi,  
Sanitah Mohd. Yusof, Ph.D**  
Fakulti Pendidikan,  
Universiti Teknologi Malaysia

## **1.1 PENGENALAN**

Matlamat pendidikan di Malaysia bertujuan untuk menggalakkan perkembangan individu yang seimbang melalui perkembangan jasmani, mental, emosi, moral dan estetik. Individu yang dilahirkan dari sistem pendidikan seharusnya stabil dari segi jasmani, cekap menjalankan tugas serta mempunyai nilai estetik untuk menikmati keindahan alam semula jadi . (Abdul Rahim, 2010). Samada institusi pendidikan itu formal ataupun tidak, proses pengajaran dan pembelajaran tetap akan berlaku. Institusi pendidikan berperanan merancang kurikulum pendidikan yang bersesuaian dengan kehendak masyarakatnya dalam usaha membentuk masyarakat yang berilmu pengetahuan dengan penekanan kepada pelbagai matapelajaran berteraskan keagamaan, sains, falsafah, jasmaniah, kemahiran, tatabahasa, astronomi, matematik, gimnastik dan sebagainya. Perkara ini jelas sekiranya kita mengkaji tamadun-tamadun awal dunia seperti Mesopotamia, Mesir, India dan China. Malah di zaman-zaman peningkatannya juga jelas ia

bertambah luas cabangnya sehingga menghasilkan tokoh-tokoh terkemuka dunia yang masih disebut-sebut sumbangan mereka seperti Plato, Aristotle, Phythagoras, Ibn Khaldun, al-Khawarizmi dan ramai lagi. Sehubungan itu peranan institusi pendidikan dalam membentuk kurikulum yang bersesuaian menjadi penentu kepada kemajuan dan pencapaian sesebuah tamadun dan bukti jelas dengan lahirnya pelbagai tokoh ilmunan yang telah memberi sumbangan besar dalam pencapaian kemajuan dunia hari ini. Sementara Ibrahim (1990) menegaskan bahawa sekolah adalah ejen sosialis atau pasyarakatatan yang paling mustahak dalam konteks negara ini.

Seiring dengan hasrat kerajaan untuk menyediakan peluang pendidikan untuk semua, sektor swasta turut sama menyumbang kepada usaha tersebut. Banyak institusi pendidikan swasta atau ringkasnya IPS, beroperasi di seluruh negara bagi menyediakan peluang pendidikan kepada warganegara Malaysia dan juga warganegara antarabangsa. Pendidikan swasta adalah pendidikan yang disediakan kepada pelajar oleh institusi pendidikan swasta. Institusi pendidikan swasta adalah institusi bukan bantuan kerajaan dan ia dibiayai sepenuhnya oleh sektor swasta. Penubuhan, pengurusan dan pengoperasian institusi pendidikan swasta adalah tertakluk di bawah Akta Pendidikan 1996 dan peraturan-peraturan yang dibuat di bawahnya. Pendidikan swasta terus berkembang pada sekitar tahun 1950-an dan 60-an banyak sekolah pondok didirikan untuk mengajar pelajar-pelajar sebagai persediaan untuk menyambung pelajaran di luar negeri khususnya dalam bidang agama. Pada awal 1970an, perkembangan semasa peranan dan fungsi sistem pendidikan telah mewujudkan sekolah swasta bagi menampung pelajar-pelajar untuk meneruskan pelajaran di peringkat menengah. Tahun 1980an telah menyaksikan suatu perubahan yang penting di mana pendidikan swasta turut sama menyediakan peluang pendidikan di peringkat pendidikan tinggi sebagai alternatif kepada mereka yang tidak terpilih memasuki institusi-institusi pendidikan tinggi awam (IPTA). Pada hari ini pendidikan swasta di Malaysia telah berkembang dengan begitu

pesat dengan penubuhan lebih banyak Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS) dan IPTS.

## **1.2 KATEGORI INSTITUSI SWASTA**

Institusi pendidikan swasta secara amnya terdiri dari dua kategori utama yang dibahagikan mengikut peringkat pendidikan yang ditawarkan. Institusi Pendidikan Swasta seperti sekolah swasta, sekolah antarabangsa, tadika swasta, pusat-pusat kemahiran termasuk pusat bahasa, pusat tuisyen, pusat latihan komputer, pusat kemahiran teknikal dan pusat perdagangan adalah di bawah seliaan dan tanggungjawab Kementerian Pelajaran Malaysia. Operasi institusi pendidikan swasta dibiayai sepenuhnya oleh sektor swasta. Walau bagaimanapun proses penubuhan dan pendaftaran, pengurusan dan operasi sesebuah IPS adalah tertakluk di bawah Akta Pendidikan 1996. Kategori kedua merupakan institusi pendidikan tinggi swasta yang terdiri dari institusi pendidikan bertaraf kolej, kolej universiti dan universiti yang terletak di bawah kawalan Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia. Ringkasnya dua kategori utama institusi tersebut adalah terdiri daripada Institusi Pendidikan Swasta yang di bawah seliaan KPM, dan Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS) yang di bawah seliaan KPTM. Kesemua institusi pendidikan berkenaan perlu berdaftar dengan kementerian berkaitan terlebih dahulu sebelum dibenar beroperasi.

Institusi pendidikan yang tergolong dalam kategori ini menawarkan pendidikan dariperingkat pra sekolah, sekolah rendah hinggalah ke peringkat menengah & pengajian tinggi. Jenis-jenis institusi pendidikan swasta dalam kategori yang perlu didaftarkan dengan Kementerian Pelajaran termasuklah Tadika swasta yang mengikuti Kurikulum Kebangsaan Prasekolah Kementerian Pelajaran Malaysia, Sekolah rendah dan menengah swasta yang mengikuti Kurikulum Kebangsaan dan penilaian yang dicadangkan, Sekolah rendah dan menengah agama swasta yang mengikuti Kurikulum Kebangsaan, Sekolah persendirian Cina yang

mengikuti garis panduan Kementerian Pelajaran, Sekolah Ekspatriat, Sekolah Antarabangsa, Pusat tuisyen yang menyediakan bantuan pelajaran kepada para pelajar mengikut Kurikulum Kebangsaan dan Pusat bahasa, pusat latihan komputer, pusat kemahiran/ perdagangan, sekolah gaya pos dan lain-lain. Pendidikan swasta ialah pendidikan yang dimiliki, ditadbir dan dibiayai oleh pihak swasta. Institusi pendidikan swasta perlu berdaftar terlebih dahulu dengan Jabatan Pendidikan Swasta Kementerian Pendidikan Malaysia dan selepas itu berdaftar dengan Pendaftar Perniagaan atau Pendaftar Syarikat untuk memulakan operasinya. Penubuhan dan operasi institusi pendidikan swasta adalah tertakluk di bawah Akta Institusi Pendidikan Swasta 1996.

Perkembangan pendidikan swasta di Malaysia pada dekat 90an berkembang dengan pesatnya bukan sahaja dari segi bilangan pelajar tetapi juga dari segi jenisnya. Ini berlaku disebabkan permintaan dari ibu bapa untuk memasukkan anaknya ke institusi swasta semakin bertambah disebabkan ada anggapan bahawa institusi pendidikan swasta boleh memberikan pendidikan yang sempurna. Selain itu terdapat ibu bapa yang sibuk dengan tugasnya dan memerlukan satu institusi pendidikan yang boleh memberikan pendidikan dan penjagaan anak mereka semasa bertugas. Faktor lain yang amat ketara ialah ketidakcukupan tempat di institusi pengajian tinggi tempatan bagi menampung bilangan pelajar yang layak untuk memasuki universiti tempatan. Sehubungan dengan itu terdapatnya permintaan yang tinggi terhadap tenaga kerja profesional dan mahir oleh sektor perindustrian menjelang tahun 2020 apabila Malaysia menjadi negara perindustrian dan sekali gus menjadi negara maju. Ini merupakan salah satu faktor utama mengapa pendidikan swasta berkembang dengan pesat. Tambahan pula terdapat galakan dan gesaan daripada kerajaan agar sektor swasta melabur di dalam pendidikan dengan menubuhkan institusi swasta yang menawarkan kursus-kursus yang tidak terdapat di institusi pendidikan awam.

Masukkan teks/Insert text

### **1.3 PERANAN SEKOLAH SWASTA**

Peranan sektor swasta dalam pendidikan adalah untuk membantu usaha kerajaan dalam perkembangan pendidikan. Kini peranannya bertambah lebih penting lagi. Sektor swasta menyediakan pendidikan di peringkat prasekolah, rendah, menengah dan Institusi Pengajian Tinggi. Ia juga menawarkan kursus-kursus professional dan separa professional. Bagi menjamin mutu pendidikan yang disediakan, semua institusi pendidikan swasta dikehendaki berdaftar dengan Kementerian Pendidikan. Institusi prasekolah swasta menjalankan program dan kegiatan yang berasaskan garis panduan kurikulum yang diluluskan Kementerian Pendidikan, tetapi bahasa pengantar yang digunakan adalah bebas. Terdapat juga beberapa buah institusi swasta yang menggunakan kurikulum kebangsaan. Para pelajarnya menduduki peperiksaan UPSR, PMR dan SPM.

Pendidikan lepas menengah swasta boleh dikategorikan sebagai pendidikan vokasional, matrikulasi dan GCE A Level. Kursus-kursus vokasional menyediakan kemahiran-kemahiran berkaitan dengan pekerjaan dalam bidang urus niaga, perdagangan, pengajian computer dan teknikal. Sebahagian daripada kursus ini membawa kepada penganugerahn sijil dan diploma oleh majlis Latihan Vokasional Malaysia, LCCI, Pitman Examination Institute, City and Guilds. Perkara ini juga sama dengan pendapat Ibrahim (2008) bahawa dewasa ini wujud trend yang berbeza tentang bentuk baharu pengantarabangsaan dalam pendidikan tinggi, kesan kewujudan persaingan hebat antara negara dan kewujudan blok perdagangan yang berdaya saing tinggi. Antara program matrikulasi yang dijalankan oleh institusi swasta, iaitu program matrikulasi Australia, program university Amerika dan program matrikulasi Kanada. Juga merupakan kelayakan yang diterima untuk masuk ke university di seberang laut. Kursus-kursus baru yang diperkenalkan oleh institusi swasta terdiri daripada pengurusan perniagaan, khidmat perdagangan, kejuruteraan dan

teknologi, seni lukis dan rekabentuk, dan pengajian kreatif. Namun, kursus-kursus berasaskan sains dan teknologi semakin mendapat keutamaan.

Syarikat-syarikat korporat telah digalakkan untuk mendirikan institusi pendidikan tinggi. Contohnya, petronas telah menubuhkan Universiti Teknologi Petronas, Telekom Malaysia mendirikan Universiti Telekom dan Universiti Multimedia, manakala Tenaga Nasional telah mengasaskan Universiti Tenaga Nasional. Program-program kembar juga diadakan antara institusi tempatan dengan universiti luar negara di Australia, New Zealand, Kanada, United Kingdom dan Amerika Syarikat. Program kembar membenarkan pelajar menyempurnakan sebahagian daripada program pengajian peringkat ijazah di Malaysia dan sebahagian lagi (mungkin 1 tahun) di universiti di seberang laut. Perkembangan pendidikan swasta terbaharu ialah penubuhan kampus cawangan di Malaysia. Setakat ini terdapat tiga buah universiti luar negeri telah menubuhkan kampus cawangan, iaitu Universiti Monash Sunway di Kolej Sunway, Universiti Curtin, Kampus Miri dan Universiti Nottingham, Kampus Malaysia. Dengan itu, jelaslah bahawa peranan sektor swasta dalam pendidikan sama ada di peringkat prasekolah atau lepas menengah khususnya peringkat pendidikan tinggi semakin penting. (Ee, 2003)

#### **1.4 SEKOLAH SWASTA DARI PERSPEKTIF GLOBAL**

Menurut buku Foundations of Education-12 Edition 9 (Ornstein, Levine, Gutek & Vocke, 2014) Sektor pendidikan swasta sangat berbeza dari segi saiz dan fungsinya berdasarkan sesebuah negara dan sangat berkait rapat dilihat dari aspek sejarah, struktur politik, komposisi agama dan tatacara perundangannya. Di negara seperti Belanda, lebih separuh dari kemasukan ke sekolah menengah adalah di sekolah swasta berbanding sekolah kerajaan. Manakala di negara seperti Cuba, Korea Utara dan beberapa buah negara lain pula, melarang pembentukan sekolah swasta bagi memastikan tiada sebarang perbezaan ideologi dalam negara. Sementara di

kebanyakan negara-negara lain, pendaftaran sekolah swasta adalah kurang dari 10% berbanding sekolah kerajaan. Di sebilangan besar negara-negara dunia, kemasukan sekolah swasta sangat kecil dan dipenuhi oleh sebilangan kumpulan elit sahaja sebelum memasuki sekolah yang berprestasi tinggi, ada juga yang menjadi sample kepada pencapaian pelajar dan golongan muda negara tersebut. Di beberapa buah negara lain pula, kebanyakan sekolah swasta dilaksanakan dengan skala kecil dan menempatkan pelajar yang miskin atau tercicir terutamanya di kawasan kepadatan tinggi bandar. Dalam meneliti kepelbagaian senario kewujudan sekolah swasta, sukar untuk kita memberikan satu definisi yang tepat berkaitan sekolah swasta. Sehubungan itu, gambaran dan hasil produktiviti sesebuah sekolah swasta harus dinilai secara unik dan khusus terhadap sesebuah negara yang nyata berbeza mengikut ideologi yang dipikunya. (Ornstein, Levine, Gutek & Vocke, 2014)

## **1.5 SAMBUTAN TERHADAP SEKOLAH SWASTA**

Semakin banyak sekolah persendirian dibuka dan semakin ramai pula ibu bapa yang menghantar anak-anak mereka belajar di sekolah berkenaan walaupun mahal bayarannya. Ini menunjukkan bahawa sambutan yang sangat menggalakkan terhadap sekolah swasta berbanding sekolah-sekolah awam. Ada yang berpendapat bahawa sekolah awam kurang dari segi 'standard' dan tidak yakin sekolah awam akan menjamin masa hadapan anak-anak mereka yang kian mencabar. Mereka merasakan bahawa masa depan anak-anak mereka akan 'lebih cerah' sekiranya mereka menghantar anak-anak mereka ke sekolah swasta. Penyusunan kurikulum dan kokurikulum yang ditawarkan merupakan elemen yang menarik minat mereka.

Perbelanjaan untuk menghantar seorang anak ke sekolah swasta adalah tinggi berbanding perbelanjaan menghantar anak ke sekolah kerajaan. Tidak kurang dari RM10,000 yang terpaksa

dibelanjakan oleh seorang bapa dalam setahun sekiranya anaknya berada dalam Darjah 1. Jumlah ini akan berlipat kali apabila bilangan anak mereka juga bertambah. Namun ibu bapa yang berada sanggup membelanjakan wang sejumlah itu demi pelajaran anak-anak. Contohnya apabila pemansuhan PPSMI iaitu pengajaran matapelajaran Matematik dan Sains menggunakan bahasa Inggeris diputuskan, maka ramai juga yang memilih sekolah swasta sebagai alternatif. Keadaan ini juga ditambah dengan sikap sesetengah ibubapa yang mahukan anak mereka dididik dengan menggunakan bahasa penghantar bahasa Inggeris yang akan memudahkan anak mereka melanjutkan pelajaran ke luar negara. Dalam masa yang sama sudah ramai juga ibu bapa yang menghantar anak-anak mereka ke sekolah swasta untuk mengikuti kursus IGCSE (International General Certificate of Secondary Education) yang pada keseluruhannya diajar dalam Bahasa Inggeris dan matlamat akhirnya ialah untuk memudahkan kemasukan ke universiti luar negara. Perkembangan sedemikian memaparkan kepada kita bahawa kemewahan wang ringgit memberi pilihan alternatif selain sistem pendidikan nasional. Apatah lagi apabila sudah ada kurikulum yang benar-benar selari dengan kurikulum sekolah kerajaan seperti Sejarah (matapelajaran sejarah yang diajar tidak menekankan tentang sejarah Malaysia). Tambahan pula bahasa perantaraan yang digunakan ialah bahasa Inggeris walaupun bahasa Melayu wajib diajarkan sebagai mata pelajaran.

Ditinjau dari sudut yang lain tentulah kita tidak seharusnya menyekat ibu bapa yang berada untuk memilih pendidikan yang terbaik untuk anaknya. Mereka adalah terdiri dari golongan bijak pandai yang dapat menilai buruk baiknya sistem pendidikan disesebuah negara itu. Mereka tentunya mahukan anak mereka mendapat pendidikan yang terbaik bagi anak mereka untuk menjamin masa hadapan yang cemerlang. Lantas dengan kuasa wang yang mereka ada, mereka tentulah boleh memilih sekolah mana dan pendidikan yang bagaimana yang sesuai untuk anak-anak mereka. Dalam kalangan pemimpin-pemimpin negara kita ramai



juga yang lebih senang menghantar anak mereka untuk belajar di sekolah swasta sepertimana yang dijelaskan. Lantas tumbuhlah sekolah-sekolah swasta yang pelbagai versi dengan kepelbagaian penekanan serta promosinya terutamanya di kawasan Lembah Kelang. Keadaan yang serupa juga wujud di Pulau Pinang, Ipoh dan Johor Bahru. Mungkin. Keadaan sebegini tentu sekali tidak akan wujud sekiranya golongan berada ini menaruh keyakinan kepada sistem pendidikan dan sekolah yang ditubuhkan oleh kerajaan. Jika keadaan sedemikian tidak ditangani takut akan wujud dua kelompok persekolahan di negara ini pada masa akan datang. Satu kelompok yang merupakan sekolah kerajaan dan satu lagi merupakan sekolah swasta. Sekolah swasta sememangnya telah lama wujud, semenjak zaman berzaman. Tetapi tidaklah seperti yang terdapat pada hari ini. Keghairahan ibu bapa untuk menghantar anak-anak mereka ke sekolah-sekolah swasta juga seolah-olah tidak dapat dibendung-bendung lagi. Malah ada yang melibatkan sebagai penilaian status sosialnya. Kesannya tentulah akan lahir suasana persekolahan yang agak luar biasa di negara ini. Sekolah awam akan dihuni oleh pelajar-pelajar yang kurang berada manakala sekolah swasta akan terdiri dari golongan berada yang terdiri dari pelbagai kaum.

Perbincangan lebih lanjut senario dan landskap negara ekoran daripada keadaan persekolahan yang sebegini perlu dilaksanakan bagi meneliti relevannya sekolah swasta kepada semua rakyat kita tanpa menjejaskan sistem persekolahan yang sedia ada. Hakikatnya, ramai kalangan anak-anak golongan elit Melayu, Cina dan India yang berada di sekolah-sekolah swasta ini. Keadaan ini menjadi ketara apabila terdapatnya sekolah-sekolah swasta aliran agama yang menarik perha Mount Safa Islamic International School. Berdasarkan perangkaan 2012 terdapat seramai 11,278 orang pelajar Malaysia yang belajar di sekolah-sekolah swasta. Berasaskan Program Transformasi Ekonomi kerajaan, disasarkan 40% kuota pelajar di sekolah swasta adalah terdiri daripada pelajar-pelajar Malaysia. Perlu dijelaskan bahawa, menjelang 2020, terdapat hampir 94 buah sekolah swasta akan

beroperasi. Ini bermakna, sekaligus akan membawa kepada peningkatan jumlah pelajar Malaysia di sekolah-sekolah swasta ini. Dianggarkan jumlah keseluruhan pelajar sekolah swasta akan melonjak kepada 75,000 orang.

Mengambil kira akan formula 40% kuota adalah diisi oleh para pelajar Malaysia, bermakna menjelang 2020 terdapat seramai 30,000 orang pelajar Malaysia akan berada di sekolah-sekolah swasta bagi mengikuti pembelajaran, berasaskan kurikulum United Kingdom dan kurikulum antarabangsa lainnya, tentunya mereka ini akan diajar oleh guru-guru “English speaking teachers all over the world”. Berkemungkinan secara keseluruhannya, dengan hanya 30,000 pelajar Malaysia di sekolah-sekolah swasta, ia tidak mempunyai impak yang besar ke atas sistem dan struktur sosial dalam kerangka pembangunan kependudukan dan pola penggunaan sumber manusia, berbanding jumlah pelajar yang berada dalam arus perdana sistem pendidikan (pendidikan kebangsaan), diunjurkan menjelang 2020 terdapat pertambahan pelajar seramai 835,498 dengan kadar pertambahan 20% setahun, mengambil kira perangkaan semasa kedudukan pelajar di sekolah-sekolah arus perdana yang berjumlah 417,749. Namun ini bukan bermakna, pelajar yang berada di sekolah swasta, harus terpisah dengan tuntutan pemertabatan tamadun bangsa. Lantaran itu, mereka juga seharusnya didedahkan sepenuhnya dengan keperluan berbahasa Melayu berdasarkan piawai bahasa Melayu itu sendiri, keadaan ini akan membolehkan proses pengintegrasian sosial dalam konteks menghayati nilai dan norma Malaysia dapat disebatikan dalam acuan yang sama, secara bersama dengan rakyat Malaysia yang lain.

Sebenarnya keadaan yang berlaku dalam perkembangan hospital swasta tidak jauh berbeza dengan sekolah swasta. Pandangan negatif masyarakat pada peringkat awal dengan melihat kos pendidikan yang jauh berbeza berbanding kos pendidikan di sekolah awam semakin pudar atau semakin dapat diterima masyarakat. Dalam hal ini kita tidak dapat menolak bahawa faktor peningkatan taraf hidup rakyat kita hari ini juga merupakan suatu

dorongan penting. Apabila rakyat semakin mampu di dalam kehidupan hariannya, maka ia membuka ruang untuk mereka membuat pilihan yang terbaik dalam semua aspek termasuk pendidikan anak-anak mereka. Pendedahan terhadap kemudahan, persekitaran tempat belajar dan kepelbagaian budaya dan kokurikulum yang menarik seperti aktiviti berenang, memanah dan menunggang kuda merupakan suatu impak besar yang menjadi tarikan kepada semua. Tidak dapat dinafikan ramai masyarakat kita secara sedar atau tidak menaruh minat untuk anak-anak mereka menguasai bahasa Inggeris sebagai asas survival mereka. Penggunaan bahasa Inggeris yang meluas dapat memenuhi hasrat mereka ini. Tambahan bilangan pelajar yang terhad serta terpilih dari pelbagai aspek menjanjikan unsur kepuasan, keselamatan serta tarikan kepada ibu bapa yang inginkan sesuatu yang lebih dalam sistem pendidikan hari ini.

Dunia hari ini yang terbuka luas, membolehkan ramai ibu bapa mengekses bentuk perkembangan pendidikan yang berlaku di negara-negara lain dan bagi negara kita kurikulum pendidikan Singapura sentiasa menjadi tarikan sebilangan masyarakat. Perbandingan antara beberapa sekolah dari segi kurikulum dan gaya pembelajaran yang kondusif menarik ibu bapa untuk memilih sekolah swasta ini. Keadaan ini semakin nyata dapat diterima apabila kerajaan sendiri memberikan pelbagai anugerah kepada pencapaian sekolah swasta sebagaimana penganugerahan kepada pelajar sekolah swasta Fairview di Pulau Pinang dan Johor Bahru. Ramai di antara masyarakat kita hari ini tidak sedar bahawa kerajaan memperuntukan jumlah budget yang begitu besar dalam menjalankan tanggungjawab sosial seperti penyediaan pendidikan kepada semua rakyat. Hakikatnya kemasukan dan kemunculan pendidikan swasta bukan sahaja meringankan beban kerajaan malah ia membuka ruang atau option kepada masyarakat dalam meningkatkan status pendidikan negara. Justeru perkembangan pendidikan swasta tidak harus dilihat sebagai saingan atau gugatan kepada sistem pendidikan negara, sebaliknya dilihat sebagai cabang perkembangan institusi pendidikan yang kompetitif seiring

dengan keperluan semasa. Ia juga selaras dengan konsep pasaran bebas ekonomi yang berasaskan permintaan memenuhi penawaran. Keadaan ini menjadi lebih kritikal apabila anak-anak yang telah menamatkan SPM dan STPM ingin melanjutkan pelajaran mereka tidak tercapai kerana pelbagai kekangan melibatkan faktor terhadapnya peluang yang terdapat di IPT berbanding bilangan pelajar yang memohon. Kegetiran ini sering berkesudahan dengan option kedua iaitu merujuk kepada peluang pendidikan di IPTS. Walaupun ramai di antara pelajar kita sering meletakkan pilihan utama terhadap IPTA, namun kegagalan untuk mendapatkan tempat untuk memasuki IPTA dapat dipenuhi dengan peluang yang ditawarkan di IPTS. Umum mengetahui kos pembelajaran di IPTS tentu sahaja jauh lebih mahal berbanding IPTA, namun ia dapat membantu menyelesaikan peluang pembelajaran ramai pelajar yang gagal memasuki IPTA. Malah pilihan kursus yang pelbagai membolehkan pelbagai disiplin ilmu dikembangkan dalam menghasilkan modal insan kelas pertama yang berkualiti serta pelbagai.

Apa yang mungkin merisaukan kita dalam perkembangan ini ialah, pelaksanaan sekolah-sekolah swasta wajar dipantau supaya sentiasa menepati garis panduan Kementerian serta keselarasan dalam memenuhi Falsafah Pendidikan Negara. Keseimbangan yang terungkuai dalam FPN wajib disasarkan selaras dengan sekolah awam. Malah kurikulum pendidikan yang dilakarkan wajar berlandaskan kebudayaan nasional serta unsur-unsur kebajikan diambil kira. Kita tidak boleh membiarkan perkembangan sekolah ini jauh tersisih dari apa yang diwarnakan dalam sistem pendidikan kebangsaan kerana ia dilakar dengan keseimbangan pembangunan individu. Pendidikan adalah jalan pengetahuan dan pendidikan yang baik adalah jalan terus kepada kejayaan. Adalah tidak mengejutkan, bahawa keluarga berpendapatan sederhana dan tinggi, contohnya di Pulau Pinang sanggup berbelanja antara RM3, 000 dan RM12, 000 bagi setiap semester untuk pendidikan anak-anak mereka, mewujudkan permintaan tinggi untuk sekolah-sekolah swasta di negeri ini

dengan penduduk hanya 1.6 juta. Namun, perbelanjaan yang tinggi tidak menjejaskan permintaan terhadap sekolah swasta. Pembatalan dasar Pengajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris (PPSMI) pada tahun lepas telah mendorong permintaan yang tinggi untuk sekolah-sekolah berbahasa pengantar Inggeris tempatan secara mendadak. Juga, baru-baru ini pemansuhan kuota 40 peratus untuk enrolmen pelajar tempatan ke sekolah-sekolah swasta meningkatkan lagi permintaan, dengan keluarga berpendapatan sederhana dan tinggi berebut untuk menghantar anak-anak mereka ke sekolah swasta.

## **1.6 KESIMPULAN**

Tidak dapat dinafikan bahawa kestabilan politik dan ekonomi negara kita juga menjadi salah satu asas kepada kemajuan perkembangan sekolah swasta ini. Suplimen kepada scenario ini juga lebih didorong oleh peningkatan taraf hidup rakyat kita di kawasan urban yang membolehkan mereka berkeupayaan untuk mencari alternatif pendidikan swasta berbanding keupayaan 20 tahun yang lepas, dimana kebanyakan kita dibatasi oleh pendapatan yang terhad dan kita seolah-olah teracu dengan bentuk pendidikan sekolah kerajaan tanpa adanya ruang sebagai pilihan kedua. Perubahan dan kemajuan pemikiran masyarakat hari ini untuk mencari suatu yang lebih atau pilihan, menjadikan kita berupaya untuk memenuhi pelbagai tawaran bentuk pendidikan terutamanya dalam kalangan lepasan SPM dan STPM. Perkara ini selaras dengan dapatan kajian Ahmad Fauzi (1997) menyatakan sesungguhnya reformasi dalam pendidikan adalah perkara biasa kerana sistem pendidikan bukanlah sesuatu yang statik. Sistem pendidikan yang berwibawa dan responsive mestilah bersifat dinamis iaitu sentiasa berkembang dan beradad di dalam keadaan terkini selaras dengan peredaran masa dan keperluan zaman. Dengan lain perkataan, tujuan reformasi adalah untuk memperbaiki dan meningkatkan lagi kemampuan sistem pendidikan untuk memenuhi semasa dan cabaran masa muka. Secara positifnya

kerajaan akan memperolehi pelbagai manfaat disamping dapat meningkatkan sumber pendapatan negara dan mengurangkan kos penyediaan pendidikan yang begitu besar bagi negara. Meluasnya sistem pendidikan negara dalam perkembangan sekolah swasta membolehkan anak-anak golongan expatriate membuat pertimbangan dalam memilih negara kita sebagai destinasi pelaburan ekonomi dalam pelbagai bidang. Malah bilangan pelajar dari luar negara untuk belajar di negara kita juga dapat ditingkatkan dan mengalih perhatian generasi muda yang sebelum ini lebih tertumpu ke negara luar seperti Singapura & Taiwan. Kerjasama dari semua pihak terutama pengusaha sekolah-sekolah swasta dengan menepati dasar kerajaan dan menjalankan pelaksanaan kurikulum pendidikan yang seimbang membuktikan bahawa kerajaan kita begitu positif dengan perkembangan sekolah swasta walaupun ada pihak yang mencetuskan kebimbangan dengan mengumpamakan keadaannya tidak ubah seperti cendawan yang tumbuh selepas hujan. Ini membuktikan bahawa perkembangan positif ini perlu dipantau dan dikaji dari masa ke semasa supaya transformasi yang berlaku adalah selaras dengan keperibadian negara dan tidak jauh terpesong dari kurikulum yang sedia ada serta tidak berasaskan keuntungan semata-mata. Perkembangan sekolah swasta ini juga biarlah menekankan aspek kebajikan, insaniah, moral dan kemanusiaan selain dari matapelajaran duniawi bercirikan sains dan matematik secara totalnya.

## **BIBLIOGRAFI**

- Abdul Rahim Hamdan, 2010. Falsafah Dan Pemikiran Pendidikan, Skudai :Penerbit UTM.
- Abu Zahari Bin Abu Bakar, 1980. Perkembangan Pendidikan Di Semenanjung Malaysia- Zaman Sebelum Merdeka hingga ke Zaman Sesudah Merdeka, Petaling Jaya : Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.

- Awang Had Salleh (disunting),1980.Pendidikan Ke Arah Perpaduan : Sebuah Perspektif Sejarah, Kuala LumpurPenerbit Fajar bakti Sdn. Bhd.
- Ee Ah Meng,2003. Ilmu Pendidikan :Pengetahuan dan Ketrampilan Ikhtisas, Kuala Lumpur : Academe Art & Printing Service Sdn. Bhd.
- Ibrahim Ahmad Bajunid,2008.Malaysia:From Tradisional To Smart Schools, The Malaysian Educational Odyssey, Shah Alam : Oxford Fajar Sdn. Bhd.
- Ibrahim Che Omar (Editor),2008. Masa Depan Pendidikan Tinggi Di Malaysia, USM :Institut Penyelidikan Tinggi Negara(IPPTN).
- Mahdi Shuid & Saliza Saad, 2010.Tamadun Dunia Teks Pra-U STPM, Pearson Malaysia Sdn. Bhd:Petaling Jaya.
- Mohd Salleh Lebar,1992.Perubahan dan Kemajuan Pendidikan Di Malaysia,Kuala Lumpur: Nurin Enterprise.
- Khoo Kay Kim & Fadzil Othman (Disusun),1980.Pendidikan Di Malaysia :Dahulu dan Sekarang, Kuala Lumpur: Pencetakan United Selangor Sdn. Bhd.
- Ornstein, Levine, Gutex & Vocke, 2014. Foundations of Education( 12th Edition), USA: Wadsworth
- Sufean Hussin,2004. Pendidikan di Malaysia: Sejarah Sistem dan Falsafah, Kuala Lumpur:Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan (Kementerian Pelajaran Malaysia 2007. Pendidikan Di Malaysia (Memartabatkan Kecemerlangan Pendidikan Negara”, Edisi 2007, Kuala Lumpur : Percetakan Watan Sdn. Bhd.
- Kertas Kerja
- Ahmad Fauzi Bin Mohamed (1997). Pendemokrasian Pendidikan : Suatu Pentafsiran Dan Tinjauan Mengenai Pendekatan Serta Pelaksanaannya Dalam Sistem Pendidikan Di Malaysia.
- Sanitah Bte Mohd. Yusof, Lokman Bin Mohd. Tahir, Kamieza Bte Mohamed & Nur Ainna Bte Ali Anuar (2012). Kurikulum

Sekolah Antarabangsa, Skudai : UTM



